Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 11, e001907
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1907

Tinjauan Faktor Kritikal Kejayaan Penglibatan Syarikat Perniagaan dalam Industri Sukan di Malaysia

(Survey of the Critical Success Factors of Business Companies' Engagement in The Sports Industry in Malaysia)

Azlina Zid[1], Mohd Noorazlan Ab Aziz[2*], Siti Aishah Wahab[3]
Mustakim Hashim[4], Hajar Asmidar Samat[5], Mohammad Adzly Rajli[6]
Siti Fadhilah Abd Hamid[7], Mohd Helme Basal[8], Rozita Abd Latif[9]
Mohd Yuzaidi Usop[10]

[1]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: azlinazid@uitm.edu.my
[2]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: mohdnoorazlan@uitm.edu.my
[3]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: sitia532@uitm.edu.my
[4]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: mustakimhashim@uitm.edu.my
[5]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: hajarasmidar@uitm.edu.my
[6]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seremban, 73000 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: adzly6672@uitm.edu.my
[7]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: fadhilah_hamid@uitm.edu.my
[8]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.
Email: helme8705@uitm.edu.my
[9]Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seremban, 73000 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: rozita.abdlatif@uitm.edu.my
[10]Majlis Sukan Negara Malaysia, Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: yuzaidi@nsc.gov.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Noorazlan Ab Aziz
(mohdnoorazlan@uitm.edu.my)

KATA KUNCI:
Faktor Kritikal Kejayaan
Syarikat Perniagaan
Industri Sukan

KEYWORDS:
Critical Success Factors
Business Companies
Sports Industry

ABSTRAK

Industri sukan merupakan satu industri komersial yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi dan mula berkembang di Malaysia. Penglibatan syarikat-syarikat perniagaan dalam industri sukan akan menjadi pemangkin transformasi ekonomi negara berpendapatan tinggi di masa hadapan. Justeru kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor kritikal kejayaan penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan 32 buah syarikat perniagaan yang dipilih secara persampelan rawak. Instrumen faktor kritikal kejayaan (*critical success factor*) digunakan dalam kajian ini dan data dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Hasil dapatan menunjukkan faktor kritikal kejayaan dari aspek Organisasi adalah di tahap tinggi dan positif dengan skor

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

CITATION:
Azlina Zid et al. (2022). Tinjauan Faktor Kritikal Kejayaan Penglibatan Syarikat Perniagaan dalam Industri Sukan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001907.
https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1907

M=4.03. Diikuti faktor Perundangan M=3.94, faktor Sikap M=3.88, faktor Komunikasi M=3.75 dan faktor Politik M=3.69. Manakala faktor kritikal kejayaan dari aspek Situasi dan Ekonomi di tahap sederhana dan juga positif dengan skor M=3.66 dan M=3.31. Hasil kajian ini dijangka mampu membantu pihak kerajaan dalam mengatur perancangan dan strategi bagi memastikan industri sukan menjadi antara penyumbang utama ekonomi negara.

ABSTRACT

The sports industry is a commercial industry that has a high market value and is beginning to grow in Malaysia. The involvement of business companies in the sports industry will be a catalyst for the economic transformation of high-income countries in the future. Therefore, this study aims to identify the critical success factors of business companies' involvement in the sports industry in Malaysia. This study uses a survey method involving 32 business companies selected by random sampling. The critical success factor instrument used in this study and the data analyzed using descriptive statistics. The results show that the critical success factor from the organizational aspect is at a high level and positive with a score of M=4.03. Followed by the Legal factor M=3.94, the Attitude factor M=3.88, the Communication factor M=3.75 and the Political factor M=3.69. While the critical factors of success from the aspect of Situation and Economy are moderate and also positive with scores of M=3.66 and M=3.31. The results of this study are expected to be able to assist the government in organizing planning and strategies to ensure that the sports industry becomes one of the main contributors to the national economy.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada data empirikal faktor kejayaan penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia. Hasil kajian rintis ini dapat membantu pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) meninjau kesediaan syarikat perniagaan untuk bersama membangunkan industri sukan di Malaysia seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

1. Pengenalan

Industri sukan merupakan satu industri komersial yang mempunyai nilai pasaran yang tinggi dan mula berkembang di Malaysia. Kini industri sukan merupakan antara sektor penting yang menyediakan pasaran pekerjaan serta berupaya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Penglibatan syarikat-syarikat perniagaan dalam industri sukan akan menjadi pemangkin transformasi ekonomi negara berpendapatan tinggi dan berinovasi pada masa hadapan. Dalam industri sukan, hasil aktiviti sukan telah mencetuskan industri sokongan dalam bidang sukan seperti perniagaan produk dan peralatan sukan. Manakala perkhidmatan sukan seperti kesihatan dan kecergasan, pengurusan acara sukan, sukan dan rekreasi, penyediaan kemudahan sukan (Parkhouse, 1996; Parks & Zanger, 1990). Menurut Li, Hofacre dan Mahony (2001), industri sukan adalah terdiri dari organisasi yang mempunyai fungsi dan fokus utamanya adalah menghasilkan barangan sukan atau perkhidmatan dalam bidang sukan. Berdasarkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kajian oleh Sports Global Market Report (2021), nilai pasaran global sukan mencecah hampir USD388.3 bilion pada tahun 2020 dan prospek industri sukan dijangka terus positif dan akan berkembang mencecah USD 599.0 bilion pada tahun 2025 seterusnya USD 826.0 bilion pada tahun 2030.

Di Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Pelan Strategik KBS 2016-2020 telah meletakkan industri sukan dalam tiga teras strategik utama iaitu i) pengukuhan asas industri sukan ii) pemerkasaan keupayaan industri dan iii) pengembangan sukan sebagai sumber ekonomi. Bagi mencapai misi ini, KBS telah menyenaraikan pelbagai inisiatif kepada syarikat perniagaan yang berminat dalam menceburi serta membangunkan industri sukan di Malaysia. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pendapatan syarikat, merancakkan aktiviti ekonomi dalam menerokai pasaran baru, meluaskan peluang perniagaan serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam negara. Hasrat kerajaan adalah untuk melihat penglibatan maksima syarikat perniagaan untuk sama-sama terlibat dan membantu memacu pembangunan ekonomi negara khususnya dalam industri sukan. Selain itu, kerajaan sentiasa membuka peluang dan ruang dalam memastikan industri sukan berjaya setanding industri yang lain. Antaranya dapatlah dilihat dari segi penganjuran sukan di Malaysia. Penganjuran sukan berprestij tinggi juga mampu menjana keuntungan dan merangsang pertumbuhan ekonomi sekali gus menyumbang kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) di Malaysia (Dymphna 2010). Secara amnya ini dapat dilihat apabila Malaysia merupakan antara negara yang telah berjaya menganjurkan acara sukan di pelbagai peringkat termasuk peringkat antarabangsa. Namun begitu, dari aspek jumlah penglibatan syarikat-syarikat perniagaan dalam menyokong industri sukan masih samar dan kemungkinan masih rendah disebabkan tiada data yang berkaitan penglibatan syarikat perniagaan sebagai industri sokongan dalam perniagaan produk dan perkhidmatan bagi menjayakan pembangunan industri sukan di Malaysia. Tanpa maklumat ini ianya menyukarkan pihak KBS untuk meninjau kesediaan syarikat perniagaan untuk bersama membantu membangunkan industri sukan di Malaysia secara menyeluruh. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia.

2. Sorotan Literatur

2.1. Syarikat Perniagaan dalam Industri Sukan

Takrifan pengusaha dan peniaga dalam sesebuah syarikat perniagaan adalah individu yang sanggup menanggung risiko, sentiasa berusaha untuk melakukan inovasi dan bijak serta kreatif dalam mendapatkan cara meningkatkan kekayaan, kekuasaan dan status sosial (Nor Aini, 2003; Wim Naude, 2010). Proses mewujud dan memperkasakan sebuah aktiviti perniagaan bukan suatu proses yang mudah kerana para peniaga berdepan dengan pelbagai cabaran seperti masalah kekurangan modal, persaingan, teknologi, pengurusan, komunikasi, perubahan permintaan dan keadaan ekonomi yang tidak menentu (Norasmah, 2002).

Pelbagai aktiviti sukan telah mencetuskan syarikat perniagaan sokongan dalam bidang sukan seperti perniagaan produk dan perkhidmatan dalam sukan. Ini dapat dilihat di mana pelbagai sektor ekonomi akan bersangkutan dengan industri sukan seperti sektor pertanian, perhutanan dan perikanan, sektor pembuatan, sektor pembinaan, sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal, sektor pengangkutan dan penyimpanan, sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan minuman, sektor maklumat dan komunikasi, sektor kewangan dan insurans/takaful, sektor pentadbiran dan khidmat sokongan, sektor pentadbiran awam dan pertahanan, aktiviti keselamatan sosial wajib, sektor pendidikan, dan sektor aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial. Justeru itu, tanpa disedari sektor-sektor secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan keuntungan ekonomi negara dalam industri sukan.

Dalam kajian ini, faktor kritikal kejayaan (*critical success factors*) menjadi elemen utama dalam mengukur penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan. Faktor kritikal ini merujuk kepada elemen dalam organisasi yang sering diutarakan bagi menentukan keperluan-keperluan bagi mencapai misi sesuatu projek (Boynlon & Zumud, 1984). Faktor kritikal kejayaan ini juga terdiri daripada beberapa perkara yang perlu dilaksanakan dengan baik bagi memastikan kejayaan seseorang pengurus atau organisasi. Antara adalah faktor ekonomi, perundangan, politik, komunikasi, organisasi, situasi dan sikap. Ini penting memandangkan di peringkat pengurusan dan pentadbiran dalam sesebuah organisasi, kesedaran tentang faktor penyumbang kejayaan perniagaan akan memberikan panduan serta jalan untuk ia mencapai matlamat sebenar organisasinya. Amalan pengurusan organisasi yang lemah akan meninggalkan kesan negatif kepada kemajuan perniagaan (Firdaus, 2009). Ini membuktikan bahawa pengurusan lemah akan menjejaskan kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh organisasi. Begitu juga, pemimpin atau pengurus yang bersifat ahli perniagaan mampu merancang masa depan yang strategik dan membawa perubahan serta pendekatan yang lebih menarik (Sodri & Shafiee, 2002). Di sini jelas menggambarkan mereka memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan sesuatu perniagaan. Kejayaan sesebuah organisasi dalam memenuhi keperluan-keperluan faktor kritikal kejayaan itu tadi mampu membawa organisasi ke arah lebih mampan dan berdaya saing dalam memacu ekonomi negara.

2.2. Faktor Kritikal Kejayaan Penglibatan Syarikat Perniagaan dalam Industri Sukan

Faktor kritikal kejayaan sering dianggap sebagai salah satu cara penting untuk meningkatkan keberkesanan dalam mencapai matlamat projek sesuatu acara atau perniagaan (Chan et al., 2004). Menurut Rockart (1979), sesebuah syarikat perniagaan harus sentiasa berhati-hati menguruskan aktiviti sukan tertentu dengan mengenal pasti faktor kritikal kejayaan. Dengan itu, penganjur acara sukan berpeluang untuk mencipta titik rujukan bersama yang boleh mengarahkan proses penganjuran agar lebih cemerlang dan mencapai keuntungan yang ditetapkan. Antara faktor kritikal kejayaan yang diukur dalam penyelidikan ini adalah seperti berikut:

2.3. Faktor Ekonomi

Faktor ekonomi adalah antara isu penting yang perlu dititik beratkan semasa membuat keputusan bagi memulakan perniagaan. Ini adalah dengan memastikan kedudukan kewangan dalam tempoh berkontrak adalah lumayan serta ganjaran pulangan balik yang telah ditentukan dapat dicapai. Faktor kewangan dan ekonomi yang tidak diuruskan dengan baik boleh menjurus kepada risiko muflis (Kangari, 1995). Selain itu, timbul isu sistem cukai yang rumit termasuk cukai langsung dan tidak langsung seperti duti kastam, cukai masuk, cukai barangan, cukai negeri dan sebagainya (Keswani, 1997). Pelaksanaan cukai yang tidak membebankan akan dapat menggalakkan lebih banyak syarikat perniagaan untuk terlibat dalam pasaran domestik dan juga antarabangsa tanpa perlu

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

rasa terbeban dengan cukai yang perlu ditanggung.

2.4. Faktor Politik

Isu politik di dalam sesebuah negara akan timbul bila mana terdapat campur tangan daripada kerajaan negara yang memerintah dalam sesebuah urusan perniagaan. Ianya termasuklah berkaitan keamanan seperti peperangan, gangguan terhadap orang awam, dan perhubungan industri yang boleh menjejaskan kemajuan sesuatu projek acara ataupun perniagaan (Ashley & Bonner, 1987). Membina jalinan dan mempunyai sistem sokongan terutamanya dari pihak kerajaan akan meningkatkan penglibatan syarikat perniagaan dalam pelbagai sektor Justeru itu, hubungan antara syarikat perniagaan dengan agensi-agensi kerajaan harus diperkukuhkan bagi meningkatkan penglibatan dalam industri sukan. Menurut Wang dan Chou (2003) terdapat beberapa isu politik yang sering dibahaskan antaranya kelewatan dalam memberikan kelulusan, rasuah dan perubahan dalam dasar undang-undang. Menurut Ling dan Hoi (2006) keunikan dalam isu politik yang dihadapi oleh syarikat perniagaan ialah ketidakstabilan politik yang boleh menjurus kepada kepimpinan lemah sekali gus menjadikannya sukar untuk mentadbir negara dengan berkesan

2.5. Faktor Situasi

Persaingan merupakan salah satu faktor kritikal kejayaan sesebuah perniagaan. Persaingan yang sihat mampu memandu organisasi ke arah perkhidmatan berkualiti. Kajian oleh Zwanziger dan Melnick (1996) mendapati perhubungan di antara persaingan dan kualiti perkhidmatan mampu meningkatkan nilai pelanggan organisasi. Nilai pelanggan diukur dengan kepuasan dan kesetiaan pelanggan terhadap kecekapan perkhidmatan yang ditawarkan. Proses penambahbaikan dan perkhidmatan yang berkualiti boleh mengurangkan kos dan membawa kesan kepada peningkatan kepuasan pelanggan (Rivers & Glover 2008). Pandemik Covid 19 turut memberi kesan situasi kepada syarikat perniagaan berdaftar berkaitan industri sukan. Banyak syarikat perniagaan telah menutup operasinya disebabkan kerugian yang terpaksa ditanggung dengan kos semakin meningkat tanpa memperoleh keuntungan. Namun begitu, KBS telah menawarkan Geran Prihatin Industri Sukan (GPIS) yang melibatkan dana 18 juta bagi membantu dan dimanfaatkan oleh syarikat yang terjejas akibat pandemik Covid 19 (Ferzalfie Fauzi, 2021).

2.6. Faktor Perundangan

Isu perundangan merangkumi kontrak, prosedur, peraturan, perhubungan agensi dan pembahagian risiko. Setiap isu dan risiko yang terlibat adalah berbeza-beza bagi setiap negara (Raymond & Logcher, 1980). Kesukaran yang dihadapi adalah tempoh masa yang panjang untuk mendapatkan kelulusan. Sistem untuk mendapatkan kelulusan yang rumit dan tidak jelas dari segi peraturan dan prosedur yang berbeza-beza bagi setiap negeri telah memberi kesan ke atas sesebuah syarikat perniagaan. Ini juga menyebabkan kesukaran mengekalkan hubungan baik dengan kerajaan pihak berkuasa (Wang et al., 2000).

2.7. Faktor Organisasi

Organisasi sukan dan penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan perlu diuruskan dengan cekap bagi memastikan perolehan keuntungan yang tinggi. Kedudukan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kewangan syarikat perniagaan yang stabil membolehkan keterlibatan dalam industri sukan. Kadar produktiviti yang rendah, tidak mencapai piawaian kualiti, kelemahan serta kurang kesedaran terhadap keselamatan antara halangan besar bagi syarikat perniagaan. Kerjasama syarikat perniagaan dan pemegang taruh dalam industri sukan meningkatkan pelaburan. Keupayaan sesebuah organisasi merupakan satu kelebihan utama bagi menggambarkan situasi syarikat (Grant, 1991). Keupayaan organisasi terdiri daripada dua aspek utama iaitu (i) sifat peralihan dan persekitaran perniagaan, (ii) pengurusan strategik dalam mengadaptasikan, mengintegrasikan, dan mengkonfigurasi semula keupayaan berasaskan persekitaran yang sering berubah. Secara idealnya, keupayaan yang dinamik mencerminkan kemampuan pengurus untuk memperbaharui kecekapan syarikat untuk mencapai kesesuaian dengan persekitaran yang berubah (David et al., 1997). Kerjasama pengurusan organisasi sesebuah syarikat perniagaan dan pemegang taruh dalam industri sukan akan membantu meningkatkan pelaburan.

2.8. Faktor Komunikasi

Dalam menghadapi persekitaran kerja yang kompleks, kepentingan komunikasi dalam organisasi bertindak sebagai pemandu kepada kejayaan organisasi tersebut (Marques, 2010). Komunikasi yang berkesan akan meningkatkan jalinan kerjasama di kalangan syarikat perniagaan dalam industri sukan. Sekiranya organisasi gagal menyampaikan komunikasi secara efektif dan berkesan kepada pelanggan mereka, tidak mustahil sesebuah syarikat akan kehilangan pelanggannya. Komunikasi juga mewujudkan perbezaan dari segi adat dan budaya. Budaya memainkan peranan yang penting dalam menentukan arah kehidupan manusia. Perbezaan latar belakang disebabkan keunikan budaya dan isu-isu berkaitan budaya ini dijangka boleh menyumbang kepada tercetusnya konflik di kalangan pihak yang terlibat dalam projek antarabangsa khususnya sekali gus boleh merumitkan lagi sistem pengurusan dalam sesebuah perniagaan (Fellow & Hancock, 1994).

2.9. Faktor Sikap

Sikap adalah suatu tingkah laku yang mempengaruhi dalam kehidupan seharian manusia. Sikap yang terdapat pada setiap individu memberi warna kepada kehidupan mereka sama ada secara positif atau negatif. Faktor sikap menjadikan seorang ahli perniagaan yang berjaya dengan memerlukan sikap yang positif daripada segala aspek. Sikap akan memberi kesan kepada proses kerja sama ada positif ataupun negatif. Pihak pengurusan syarikat perniagaan harus mempunyai kesedaran, minat dan matlamat untuk terlibat dalam industri sukan. Nor Aishah (2002) menyatakan bahawa sikap dan minat ahli perniagaan banyak dipengaruhi nilai-nilai hidup seseorang itu. Nilai yang positif akan membantu ahli perniagaan untuk terus berniaga dan meluaskan perniagaan mereka. Manakala Mohd Hassan (2007) mendapati sikap dan minat ahli perniagaan telah mempengaruhi tindakan mereka dan memainkan peranan penting di dalam apa jua tuntutan yang dilakukan. Oleh itu, sikap yang terdapat pada seorang ahli perniagaan dilihat banyak mempengaruhi kejayaan dalam perniagaan yang diceburi.

Berdasarkan sorotan literatur, faktor-faktor kritikal kejayaan ini memainkan peranan penting bagi mengenal pasti kaedah-kaedah yang diperlukan untuk membantu syarikat perniagaan lebih mampan dan berdaya saing dalam industri sukan seterusnya meningkatkan ekonomi negara.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan borang soal selidik. Data yang dianalisis secara deskriptif berdasarkan objektif kajian. Borang soal selidik diedarkan melalui pelbagai medium komunikasi seperti e-mel, aplikasi *WhatsApp* dan telegram dengan menggunakan kaedah *google form*. Borang soal selidik tersebut dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu Bahagian A: demografi responden dan Bahagian B: faktor-faktor kritikal kejayaan penglibatan syarikat perniagaan di Malaysia. Kajian ini menggunakan analisis frekuensi untuk menganalisis data demografi responden dan analisis deskriptif skor min untuk mengukur faktor kritikal kejayaan yang mempengaruhi penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia. Kajian ini menggunakan instrumen faktor kritikal kejayaan (*critical success factor*) yang mengukur faktor ekonomi, perundangan, politik, komunikasi, organisasi dan situasi. Soal selidik ini menggunakan skala Likert 5-poin (1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-tidak pasti, 4-setuju, 5-sangat setuju). Instrumen soal-selidik ini diadaptasi dari soal-selidik yang dibina oleh Nur Syahidah (2018). Kajian ini menggunakan pensampelan rawak mudah bagi mendapatkan data yang diperlukan daripada responden. Sejumlah 32 buah syarikat dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Data yang dianalisis dipersembahkan dalam bentuk jadual ringkas.

4. Hasil Kajian

Kajian ini melibatkan 32 responden yang mewakili 32 buah syarikat dipilih secara rawak untuk dijadikan sampel kajian. Jadual 1 menunjukkan dapatan kajian bagi demografi responden menggunakan analisa frekuensi (n) dan peratusan (%).

Jadual 1: Demografi Responden

Ciri Demografi	Kategori	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Syarikat Berdaftar dengan SSM.	Ya	30	93.8
	Tidak	2	6.3
Status Organisasi	Milikan Tunggal	12	37.5
	Perkongsian	5	15.6
	Syarikat Sendirian Bhd	11	34.4
	Syarikat Awam Bhd	4	12.5
Tempoh Perniagaan	1-5 tahun	6	18.8
	6-10 tahun	7	21.9
	11-15 tahun	6	18.8
	16-20 tahun	4	12.5
	< 21 tahun	9	28.1
Syarikat terlibat dalam Industri Sukan.	Ya	28	87.5
	Tidak	4	12.5
Jenis Penglibatan Syarikat dalam Industri Sukan.	Pengeluar produk	2	6.3
	Perkhidmatan	7	21.9
	Penajaan	21	65.6
	Lain-lain	2	6.3

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Data demografi syarikat yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menunjukkan 30 (93.8%). Manakala 2 (6.3%) syarikat lagi tidak berdaftar. Seterusnya, data status organisasi perniagaan menunjukkan 12 (37.5%) syarikat mewakili jumlah responden adalah dari Milikan Tunggal, 11 (34.4%) syarikat dari Syarikat Sendirian Berhad, 5 (15.6%) syarikat dari Syarikat Perkongsian dan Syarikat Awam Berhad sebanyak 4 (12.5%). Bagi tempoh syarikat menjalankan perniagaan, data menunjukkan 9 (28.1%) syarikat telah menjalankan perniagaan lebih dari 21 tahun. Sejumlah 7 (21.9%) syarikat pula telah menjalankan perniagaan dalam lingkungan 6-7 tahun. Tempoh menjalankan perniagaan dalam lingkungan 1-5 tahun dan 11-15 tahun masing-masing menunjukkan frekuensi 6 (18.8%) syarikat. Manakala 4 (12.5%) syarikat lagi menunjukkan tempoh menjalankan perniagaan dalam lingkungan 16-20 tahun. Seterusnya data syarikat yang terlibat secara langsung dalam industri sukan menunjukkan 28 (87.5%) syarikat dari jumlah responden. Manakala 4 (12.5%) syarikat tidak terlibat secara langsung dalam industri sukan. Akhir sekali, data demografi jenis penglibatan syarikat dalam industri sukan menunjukkan 21 (65.6%) syarikat perniagaan dari jumlah responden pernah terlibat dalam penajaan sukan. Manakala 7 (21.9%) syarikat menawarkan perniagaan perkhidmatan dan 2 (6.3%) syarikat masing-masing dari perniagaan yang mengeluarkan produk dan lain-lain.

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif faktor kritikal kejayaan penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia merujuk kepada nilai skor min.

Jadual 2: Faktor Kritikal Kejayaan Syarikat Perniagaan Dalam Industri Sukan

Pemboleh ubah		Min Kekerapan	Sisihan Piawai
Faktor Kritikal Kejayaan	FK6_Organisasi	4.03	.897
	FK4_Perundangan	3.94	.840
	FK5_Sikap	3.88	.751
	FK3_Komunikasi	3.75	.880
	FK2_Politik	3.69	.859
	FK7_Situasi	3.66	.971
	FK1_Ekonomi	3.31	.859

Berpandukan Jadual 3 oleh Neuman (2007), hasil kajian menunjukkan faktor kritikal kejayaan dari aspek Organisasi adalah di tahap tinggi dengan skor min *M*=4.03. Diikuti faktor Perundangan *M*=3.94, faktor Sikap *M*=3.88 dan faktor Komunikasi *M*=3.75.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min Skala Likert

Skor Min	Tahap Kualiti
1.00 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.70	Sederhana
3.71 – 5.00	Tinggi

Sumber: Neuman (2007)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Manakala faktor kritikal kejayaan dari aspek Politik, Situasi dan Ekonomi di tahap sederhana dengan masing-masing skor min *M*=3.69, *M*=3.66 dan *M*=3.31. Ini menunjukkan syarikat perniagaan bersetuju tujuh faktor kritikal kejayaan adalah aspek penting dan perlu di beri penekanan oleh pihak kerajaan bagi memastikan penglibatan mereka dalam industri sukan sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara.

Analisis deskriptif min telah dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian iaitu mengenal pasti faktor-faktor kritikal kejayaan yang mempengaruhi penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia. Hasil kajian mendapati faktor kritikal Organisasi adalah di tahap tinggi dengan nilai skor min tertinggi 4.03. Dapatan ini menunjukkan organisasi seharusnya mempunyai tadbir urus yang cekap, pengurusan yang berkualiti serta kedudukan kewangan yang stabil bagi memperoleh keuntungan dalam industri sukan sekali gus meningkatkan ekonomi negara. Kerjasama syarikat perniagaan dan pemegang taruh dalam industri sukan seperti Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negeri, Persatuan Sukan Negeri dan lain-lain juga mampu membantu meningkatkan pelaburan dan keuntungan syarikat. Ini turut disokong oleh Grant (1991) yang menyatakan bahawa penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan perlu diuruskan dengan cekap bagi memastikan perolehan keuntungan yang tinggi dan keupayaan pengurus yang dinamik dan cekap akan membawa peningkatan perubahan ke arah ekonomi yang lebih baik (David et al., 1997). Selain itu, faktor kritikal kejayaan dari aspek perundangan, sikap, dan komunikasi juga berada di tahap tinggi dalam mempengaruhi penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia. Faktor perundangan dari segi polisi dan prosedur yang jelas serta kecekapan perundangan diperlukan bagi memulakan perniagaan dan jalinan dalam industri sukan. Faktor sikap pula menunjukkan syarikat pengurusan perniagaan mempunyai matlamat, minat, sanggup berdepan risiko, keseronokan, dan sentiasa bersedia untuk terlibat dalam industri sukan di Malaysia dan akhir sekali faktor komunikasi berkesan di kalangan pemegang taruh dan syarikat perniagaan mampu mewujudkan jalinan kerjasama yang baik.

Manakala faktor politik, situasi dan ekonomi pula adalah antara skor min paling rendah. Walau bagaimana pun faktor-faktor kritikal kejayaan penglibatan syarikat ini di tahap sederhana. Ini menunjukkan dari aspek politik, kestabilan dan jalinan bersama agensi-agensi kerajaan berperanan penting dalam mempengaruhi penglibatan syarikat dalam industri sukan. Faktor situasi pula menunjukkan persaingan dalam perniagaan dan kesan Covid19 juga memberi kesan keterlibatan dalam industri sukan. Akhir sekali, faktor ekonomi yang mempunyai min paling rendah M=3.31 mendapati bebanan kos operasi dan perolehan modal adalah di tahap sederhana dalam mempengaruhi penglibatan syarikat perniagaan dalam industri sukan. Pelaksanaan cukai bukanlah faktor kritikal kejayaan yang utama dalam penglibatan syarikat dalam industri sukan. Ini kerana menurut Kangari (1995), kewangan dan ekonomi yang tidak diuruskan dengan baik boleh menjurus kepada risiko muflis.

6. Kesimpulan

Dapatan kajian ini jelas menunjukkan ekonomi, politik, komunikasi, perundangan, sikap, organisasi dan situasi merupakan faktor-faktor kritikal kejayaan yang menjadi asas utama keterlibatan syarikat-syarikat perniagaan dalam industri sukan di Malaysia. Justeru itu, Kerajaan Malaysia, khususnya KBS harus cakna keperluan syarikat perniagaan sokongan ini bagi memastikan industri sukan terus bertahan dan menjadi sumber utama ekonomi negara yang akan membuka banyak peluang pekerjaan serta menawarkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pelaburan dan perniagaan yang menjanjikan keuntungan yang berlipat ganda di masa hadapan

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada rakan-rakan penyelidik yang memberi idea bernas dan berkongsi kepakaran dalam membantu menyiapkan penulisan penyelidikan ini. Semoga artikel yang dihasilkan ini dapat memberi panduan dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua penulis / ahli akademik.

Kewangan (*Funding*)

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Majlis Sukan Negara Malaysia (MSN) yang telah menyalurkan dana menerusi geran Penyelidikan Ilmiah Majlis Sukan Negara bagi membiayai kajian penyelidikan ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ashley, D. B., & Bonner, J. J. (1987). Political risks in international construction. *Journal Construction Engineering Management*, *113*(3), 447– 467.

Boynlon, A. C., & Zmud, R. W. (1984). An assessment of critical success factors. *Sloan Management Review*, 17.

Chan, A. P. C., Chan, D. W. M., & Ho, K. S. K. (2004). An empirical study of the benefits of construction partnering in Hong Kong. *Construction Management and Economics*, *21*(5), 523-533.

David, J. T., Pisano, G., & Shuen, A. (1997). Dynamic capabilities and strategic management. *Strategic Management Journal*, *18*(7), 509–533.

Dymphna, J. L. (2010, Disember). Industri sukan pemangkin ekonomi negara. *Buletin Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 4,* 1-6.

Fellow, R. F., & Hancock, R. (1994). Conflict resulting from cultural differentiation: An investigation of the new engineering contract. *Council of International Construction Research and Documentation Proc. on Construction Conflict: Management and Resolution,* Rotterdam, The Netherlands, 259–267.

Ferzalfie Fauzi (2021, Julai 5). KBS umum tujuh inisiatif bantu industri sukan. *Harian Metro.*

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Firdaus Abdullah. (2009). Developing a framework of success of Bumiputera entrepreneurs. *Journal of Enterprising Communities: People and Places in the Global Economy, 3*(1), 8-24

Grant, R. M. (1991). The resource-based theory of competitive advantage: Implications for strategy formulation. *California Management Review, 33*(3), 114–135,

Kangari, R. (1995). Risk management perceptions and trends of US construction. *Journal of Construction Engineering Management*, *121*(4), 422– 429.

Keswani, K. (1997). The contribution of building centres to low-cost housing in India. *Building Research and Information, 25*(1), 50–64.

Ling, F. Y. Y., & Hoi, L. (2006). Risks faced by singapore firms when undertaking construction projects in India. *International Journal of Project Management,* 24, 261-270.

Li, M., Hofacre, S., & Mahony, D. (2001). *Economics of sport*. Morgantown West Virginia: Fitness Information Technology.

Marques, J.F. (2010). Enhancing the quality of organizational communication: A presentation of reflection-based criteria. *Journal of Communication Management*, *14*(1), 47-58.

Mohd Hassan, M. O. (2007). *Faktor-faktor yang telah mendorong graduan dan alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan*. UTM, Skudai

Neuman, W. L. (2007). *Basics of social research. qualitative and quantitative approaches* (2nd ed.). Boston: Pearson Education Inc.

Nor Aini Idris. (2003). Daya saing usahawan wanita Melayu menghadapi cabaran globalisasi. *Prosiding Persidangan Kebangsaan*, 7-22.

Nor Aishah Buang. (2002). *Asas keusahawanan*. Fajar Bakti. Polyghraphic (M) Sdn. Bhd

Norasmah Othman. (2002). *Keberkesanan program keusahawanan remaja di sekolah menengah*. Disertasi Ph.D, Universiti Putra Malaysia, Serdang

Nur Syahidah Mohd Shawal (2018). *Faktor kritikal yang mempengaruhi penglibatan syarikat dan firma pembinaan di Malaysia dalam projek antarabangsa*. (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia

Parkhouse, B.L. (1996). *The management of sport: Its foundation and applications* (2nd Ed.). St. Louis, MO: Mosby

Parks, J. B., & Zanger, B. R. K (1990). *Sport and fitness management: Career strategies and profesional content.* Human Kinetics, Champaign

Raymond, D. B. A., & Logcher, R. D. (1980). Allocating risk and incentive in construction. *Journal of Construction Division*, 106, 297–306.

Rivers, P. A., & Glover, S. H. (2008). Health care competition, strategic mission, and patient satisfaction: Research model and propositions. *Journal of Health Organization and Management*, *22*(6), 627-641

Rockart J. (1979). Chief executives define their own data needs. *Harvard Business Review*, 81-92.

Sodri, Ariffin., & Ahmad, Shafiee. (2002). *Keusahawanan: Rahsia puncak kejayaan Malaysia.* Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Sports Global Market Report (2021, July 22). COVID-19 Impact and recovery to 2030. *Research and Market*

Wang, M. T., & Chou, H. Y. (2003). Risk allocation and risk handling of highway projects in Taiwan. *Journal of Management Engineering*, *19*(2), 60–68.

Wang, Q. S., Robert L. K., Tiong, S. K., Ting, & Ashley, D. (2000). Evaluation and management of political risks in Chinas BOT projects. *Journal of Construction Engineering Management*, *126*(3), 242–249.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Wim Naude. (2010). Promoting entrepreneurship in developing countries: Policy challenges. *World Institute for Development Economics Research of the United Nations University (UNUWIDER) Policy Brief*, 42010, 1-8.

Zwanziger, J., & Melnick, G.A (1996). Can managed care plans control health care costs. *Health Affairs*, *15*(2), 185-199

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).